



BULETIN CASSIA



Bil : 2/2021 (Jun-Disember) Edaran Percuma www.mdkampar.gov.my



TAHNIAH MDKPR

ANUGERAH GOLD AWARD CLASS 1
KATEGORI AGENSI KERAJAAN & PIHAK BERKUASA TEMPATAN
MSOSH OSH AWARD 2021



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh dan Salam Senyuman

Salam sejahtera.

Alhamdulillah terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kudrat, iradat dan inayah-Nya kita diberi peluang untuk bertemu lagi dalam Buletin Cassia Bil. 2/2021 Majlis Daerah Kampar. Mudah-mudahan Allah S.W.T. sentiasa memberi rahmat kepada kita semua agar dapat berbakti bagi mensejahterakan Daerah Kampar ini buat bekalan generasi masa hadapan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada warga Sidang Redaksi Cassia yang bertungkus lumus menerbitkan buletin ini sebagai rujukan pencapaian, aktiviti dan perkhidmatan organisasi agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pembaca.

Terbitan buletin pada kali in merupakan terbitan penutup bagi tahun 2021. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab saya bagi memastikan agenda buletin agar terus padat dan jitu dengan pelbagai maklumat serta informasi mengenai pencapaian yang berjaya dirangkul, perancangan dan program yang dilaksanakan bagi melestarikan Bandar Kampar.

Akhir kata, saya berharap agar seluruh warga kerja MDKpr akan berusaha meningkatkan prestasi dengan lebih cemerlang demi memastikan



perkhidmatan yang diberi adalah baik dan sempurna, selain meningkatkan pembangunan dan kemajuan demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

دللا تمحرو موکي ال اومال سو اي ادهل او کي فوتي هال يباو هوتا کاراباو

Abdul Halim bin Saad. AMP
Yang Dipertua MDKpr

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tn. Abdul Halim bin Saad, AMP.

PENASIHAT

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP.

KETUA EDITOR

Pn. Khumaizah binti Aziz

PEREKA GRAFIK

Nur Azura binti Russ Soli

WARTAWAN

1) TPr Muhamad Hisham bin Hashim

2) Rozzilla binti Mohamad Som

3) Mohd Salim bin Saleh

4) Nor Syazana binti Amrah@Omrah

5) Mahfuzah binti Mokhtar

6) Izham bin Barahim

7) Izham bin Ahmad

8) Muhamad Syarafi bin Mohd Said

9) Muhammad Zulhelmi bin Mohd Salji

10) Ahmad Faizal bin Baharom

11) Hamishah binti Ahamed

12) Hafiza binti Makri

13) Nurul Fahana binti Md Bakri

MEDIA CASSIA

1) Mohd Syukri bin Wazirrudin

2) Alif Syairazi bin Mohd Sopian

3) Faridzul Arif bin Mohd Hashim

4) Mohd Hizam bin Radzuan

MISI KELUARGA PBT@PERAK KE BENTONG

Majlis Daerah Kampar telah menghantar seramai 15 orang pasukan bantuan pasca banjir bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan di sekitar daerah Bentong, Pahang. Misi bantuan berlangsung selama dua hari bermula dari 27 hingga 28 Disember 2021.

Seramai 117 sukarelawan melibatkan 9 PBT di Negeri Perak telah menyertai misi bantuan yang telah diketuai oleh Tuan Abdul Halim Saad, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar (MDKpr).

Misi bantuan menumpukan kawasan yang terjejas teruk akibat banjir yang melanda pada 18 Disember 2021 yang lalu. MDKpr merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada anggota yang terlibat dalam misi bantuan ini.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR

MISI BANTUAN BANJIR MAJLIS DAERAH KAMPAR 2021 DAERAH BERA, PAHANG DARUL MAKMUR

Seramai 20 orang petugas sukarelawan MDKpr yang diketuai oleh Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP selaku Setiausaha MDKpr telah melaksanakan misi bantuan banjir di Daerah Bera. Pasukan ini telah tiba pada 30 Disember 2021 dan melaksanakan kerja-kerja pembersihan pasca banjir di Masjid Kg. Kuala Triang dan sekitar kawasan yang terkesan dilanda banjir baru-baru ini.

Ketibaan sukarelawan telah disambut baik oleh wakil daripada Majlis Daerah Bera iaitu Encik Syahrul Azwa bin Mohamed Shah, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan wakil Majlis Guru Kaunseling Daerah Bera, Encik Mohamad Nizam bin Haji Md Saad. Sebanyak 2 buah lori (Teri lift dan Kitar Semula) dan 4 buah kenderaan (pacuan 4 roda) terlibat dalam misi ini.

Selain itu, misi ini juga bertujuan untuk menyampaikan bantuan sumbangan daripada anggota MDKpr, Ahli Majlis, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang melibatkan Koperasi Anggota-Anggota Majlis Daerah Kinta Selatan, Kelab Sukan MDKpr, Badan Kebajikan MDKpr, agensi swasta dan orang perseorangan melalui Tabung Misi Bantuan Banjir MDKpr yang telah dilancarkan pada 28 Disember 2021 yang lalu. Sumbangan barangan berbentuk barangan keperluan harian dan alatan pembersihan telah disampaikan kepada penduduk Kg. Kuala Triang, Bera pada 31 Disember 2021.

Diharapkan inisiatif yang dilaksanakan oleh MDKpr ini dapat meringankan beban dan menunjukkan sifat solidariti terhadap rakyat Malaysia yang terkesan akibat bencana banjir. Seterusnya, dapat memupuk semangat saling membantu dan mengeratkan hubungan baik antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri di Semenanjung Malaysia bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.



WACANA PBT : PENGURUSAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DALAM PASCA COVID-19

SIARAN LANGSUNG DI FACEBOOK DAN YOUTUBE MAJLIS BANDARAYA IPOH

TUAN SAFUAN SALLEH
Yang Dipertua Majlis Daerah Pengkalian Kempas

TUAN ZULQARNAIN MOHAMAD
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

TUAN ABDUL HALIM SAAD
Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar

Y.BHGS. DATU RUMAZI BAHARIN
Datuk Bandar Ipoh

WACANA PBT

**1 JULAI 2021
10.00 PAGI**

**TOPIK :
PENGURUSAN PBT
DALAM PASCA COVID-19**

TUAN HAJI MUSA DUN
MODERATOR

MAJLIS BANDARAYA IPOH | ipohcitycouncil | MALIS BANDARAYA IPOH



1 Julai 2021 - Yang Dipertua MDKpr, Tn. Abdul Halim bin Saad, AMP telah dijemput sebagai tetamu jemputan dalam Siaran Langsung di Facebook dan Youtube Majlis Bandaraya Ipoh. Program Wacana PBT Perak ini julung kali diadakan bagi berkongsi secara terus pelaksanaan dan pengurusan PBT dalam Pasca Covid-19. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Datuk Bandar dan semua YDP PBT yg terlibat dlm program pada hari ini yang berjaya mengupas isu semasa dan amat berketetapan dengan topik perbincangan yang disiarkan. Semoga melalui perkongsian seperti ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat khususnya dan Negeri Perak umumnya.

PROGRAM BANTUAN ONE OFF KEPADA AHLI MAJLIS

7 Julai 2021 - Program Bantuan *One Off* kepada Ahli Majlis merupakan satu inisiatif pihak Majlis Daerah Kampar bagi membantu meringankan beban penduduk Kampar sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat Pandemik Covid19 dengan jumlah penerima bantuan adalah seramai 30 orang. Antara Ahli Majlis yang bertanggungjawab dengan program ini ialah Clr. Rafidi bin Mohd Razali, Clr. Ng Wah Leng, Clr. Balaratnam a/l Rakayah, Clr. Nor Ramli bin Mat Noordin, Clr. Norhayati binti Alias dan Clr. Muhammad Azhar bin Muhamad Yusop





MSOSH OSH AWARD 2021




MALAYSIAN SOCIETY FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH

MDKpr telah berjaya mendapat Anugerah Gold Award Class 1 bagi kategori Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Majlis Penyampaian MSOSH OSH Award yang diadakan di Hotel Majestic Kuala Lumpur pada 25 November 2021. Penganugerahan ini dipilih berdasarkan pengauditan yang telah dijalankan oleh Panel Auditor MSOSH. Ini merupakan penganugerahan kali kedua MDKpr dalam anugerah MSOSH OSH Award.

MDKpr juga telah berjaya mendapat Anugerah bagi Workplace Health Promotion dengan membawa pulang trofi dan wang tunai berjumlah RM 1,000.00.





Tourism Promotion Organization
for Asia Pacific Cities

2nd TPO Webinar

Normalization of International Tourism
with Vaccinations



KEYNOTE SPEAKERS

HARRY HWANG

Director for Asia and the
Pacific, UNWTO



ROLANDO CANIZAL

Former Undersecretary,
Department of Tourism of
Philippines



July 8, 2021 - 11:00 A.M. (KST)

Host & Organizer : TPO Secretariat

THE 2nd WEBINAR TOURISM P ROMOTION ORGANIZATION FOR ASIA PACIFIC CITIES (TPO)

Tema : Normalization of International
Tourism with Vaccinations

Platform : Melalui kaedah Video
Conference (Zoom Meeting)

Kehadiran :

1. Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP
(Yang Dipertua MDKpr)
2. Puan Khumaizah binti Aziz
(Penolong Pegawai Tadbir, Unit
Perhubungan Korporat dan Hal Ehwal
Komuniti)




LAWATAN KERJA KE ILHAM SENI@KAMPAR

Pengarah Kanan Bahagian Domestik & Acara Tourism Malaysia, Tuan Iskandar Mirza bin Mohd Yusof bersama beberapa orang pegawai telah mengadakan lawatan kerja ke Ilham Seni@Kampar pada 15 November 2021. Dalam lawatan tersebut Setiausaha MDKpr, Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP telah memberi taklimat ringkas berkaitan perkembangan kerja di Ilham Seni@Kampar. Ianya merupakan tarikan baharu produk pelancongan di daerah ini yang menempatkan lukisan mural di dinding bangunan lama yang terletak di tengah-tengah Pekan Lama Kampar berukuran 250m sepanjang laluan protokol yang merupakan laluan utama Ipoh - Kampar.

Mereka juga telah dibawa ke beberapa lokasi pelancongan iaitu Disney Avenue Agacia Land, tempat hentian rehat bagi burung-burung migrasi seperti burung Grey Heron dan Gua Tempurung. Semoga lawatan ini dapat memberi ruang kerjasama bagi mempromosi produk pelancongan di daerah Kampar khususnya dan Negeri Perak amnya.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR KURSUS



Nama Latihan : Latihan Kebakaran (Fire Drill) 2021 MDKpr
Anjuran : Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) MDKpr
Tarikh : 23 Disember 2021 (Khamis)
Tempat : Pejabat Majlis Daerah Kampar (MDKpr)

Latihan ini adalah latihan tahunan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Majlis Daerah Kampar. Ini bertujuan untuk persediaan awal kakitangan MDKpr bagi menghadapi situasi sebenar jika berlakunya kebakaran di pejabat. Latihan ini adalah salah satu prosedur bagi Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Turut menyertai latihan ini YDP MDKpr, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP serta Setiausaha MDKpr, Puan Siti Azura binti Hj. Juki, AMP dan barisan Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian MDKpr. Terima kasih juga kepada Balai Bomba Kampar yang membantu dalam menjayakan latihan ini.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA



Pengisian Program Perhimpunan Anggota Bil. 3/2021 - 30 Disember 2021

➤ Perhimpunan Bulanan Bil. 3/2021 telah diadakan dengan jayanya dengan kehadiran pegawai dan anggota. Ucapan akhir tahun telah disampaikan oleh Yang Dipertua, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP. Semoga warga MDKpr mengambil pesanan dan amanat yang disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua dengan sebaiknya bagi kesejahteraan organisasi keseluruhannya serta semangat dan iltizam yang baru bagi Tahun Baharu 2022.

➤ Ringkasan Program :-

1. Majlis Pra Pelancaran Pelan Anti Rasuah MDKpr 2021 - 2025

Penyerahan Pelan Anti Rasuah MDKpr oleh Peg. Tadbir (Khidmat Pengurusan) kepada Tuan YDP. Pelan bagi tempoh masa 5 tahun ini telah disiapkan dengan kerjasama dan komitmen daripada semua Jabatan/ Bahagian/ Unit.

2. Majlis Penyampaian Anugerah Pengiktirafan

Majlis juga turut diserikan dengan Penyampaian Anugerah Pengiktirafan kepada individu/agensi/ komuniti yang telah memberikan sumbangan kepada warga Daerah Kampar khususnya. Majlis Daerah Kampar mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberikan tanpa mengenal penat lelah. Penyampaian ini terbahagi kepada 4 kategori iaitu Individu Jabatan/ Agensi Kerajaan, Jawatankuasa Penduduk/Perumahan/Komuniti dan NGO/Swasta Prihatin (CSR).

Anugerah Pengiktirafan Individu - Supt. Hasron Nazri bin Hashim, Mantan Ketua Polis Daerah Kampar

Penghargaan kepada beliau atas penglibatan dalam program melibatkan pemantauan dan penguatkuasaan SOP Covid-19 sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

Anugerah Jabatan/Agensi Kerajaan - Pejabat Kesihatan Daerah Kampar

Penghargaan kepada agensi atas dasar penglibatan secara langsung dalam menangani isu pandemik Covid-19 dan pemberian vaksin kepada penduduk Kampar.

Anugerah Jawatankuasa Penduduk/ Taman Perumahan/ Komuniti - Komuniti HELWA Kg. Tersusun Batu Putih, Kampar

Penghargaan kepada komuniti atas dasar penglibatan yang aktif dalam program kejiranan hijau di peringkat komuniti dan telah memenangi Anugerah Kejiranan Hijau di peringkat kebangsaan sebanyak 2 kali berturut-turut pada tahun 2020 - 2021.

Anugerah NGO/ Swasta Prihatin(CSR) - Pertubuhan Buddhist Tzu Chi Merits Malaysia (Caw. Kampar)

Penghargaan disampaikan atas dasar Pertubuhan aktif dalam program kitar semula bersama komuniti di Daerah Kampar sejak tahun 2017.

3. Majlis Penyampaian Sijil Pemenang bagi Pertandingan Tempat Kerja Terbaik sempena Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 2021

Kategori Ruang Pejabat

1. Tempat Pertama - Zon Firuz
2. Tempat Kedua - Zon Nilam
3. Tempat Ketiga - Zon Jed

Kategori Stor

1. Tempat Pertama - Stor UPB Jalan Baru
2. Tempat Kedua - Stor Penyelenggaraan Tandas
3. Tempat Ketiga - Stor Unit Vektor

Tahniah diucapkan kepada barisan penerima anugerah dan pemenang pertandingan. Semoga usaha dan kerja keras tersebut diteruskan pada tahun hadapan.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LOCAL AGENDA 21



Senarai Program LA 21 / Vektor Bagi Julai - Disember 2021


BIL	TARIKH	NAMA PRORAM
JULAI		
1	7 Julai 2021	Program Kerja Amal Membantu Insan (KAMI) 2.0 melibatkan 30 orang penerima bantuan makanan.
OGOS		
2	21 Ogos 2021	Pertandingan Keceriaan Individu Peringkat Kg Tersusun Batu Putih. Memasukkan 4 Komponen iaitu Tanaman, Komponen Landksap, Mesra Alam Sekitar Dan Jalur Gemilang.
3	28 Ogos 2021	<i>Drive Thru Merdeka</i> : Tukar Barang Kitar Semula Kepada Barang Keperluan Asas
SEPTEMBER		
4	25 September	Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai di Recycle Network Units (RNU)
5	29 Sept – 19 Okt 2021	Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (e-waste) selama 1 bulan
OKTOBER		
6	26 Oktober 2021	Taklimat Kurus Asas Pembuatan Baja Kompos anjuran MD Selama
7	30 Oktober 2021	Program Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH) 1.0 di Pekan Baru Malim Nawar
DISEMBER		
8	4 Disember 2021	Program Tukar Barang Kitar Semula dan Edaran Risalah dan Pelekat Kenderaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di Pasar Awam dan Medan Selera Kampar.
9	11 Disember 2021	Program Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH) 2.0 di Jalan 2/2, Kawasan Perindustrian Gopeng
10	17 Disember 2021	Pelancaran Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di Lotus Kampar
11	27 – 28 Disember 2021	Misi Keluarga PBT @ Perak (Bantuan Banjir) di Bentong Pahang
12	30 – 31 Disember 2021	Misi Bantuan Banjir di Bera, Pahang
13	30 Disember 2021	Taklimat Kebersihan Tandas, Dapur dan Kitar Semula : Menjana Sumber Pendapatan di Pusat Jagaan OKU Beautiful Gate Foundation, Jalan Sentosa

PROGRAM TUKAR MINYAK MASAK TERPAKAI & SISA ELEKTRIK/ELEKTRONIK KEPADA WANG TUNAI

Bertempat di perkarangan Recycling Network Unit (RNU) Majlis Daerah Kampar telah berjaya menjalankan program pengumpulan minyak masak terpakai dan barangan elektrik/elektronik pada 25 September 2021. Berkonsepkan drive thru dan pematuhan SOP yang diperketatkan, warga penduduk Kampar yang hadir membawa barangan kitar semula hanya perlu mengambil masa antara 10 - 15 minit saja. *E-waste Dikitar, Bumi Terpelihara.*



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LOCAL AGENDA 21



PENGUMPULAN SISA ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) DI MAJLIS DAERAH KAMPAR

9 Oktober 2021 - Sesi pengumpulan sisa elektrik dan elektronik (e-waste) yang berlangsung di perkarangan Arena Rakyat Tualang Sekah telah berjaya mengumpulkan pelbagai sisa elektrik dan elektronik seperti kipas, tv, komputer, penghawa dingin dan banyak lagi barangan terpakai.

Terima kasih diucapkan kepada Clr Ust. Khairul Alimi, Clr Ganeson, Clr Halimatun dan Clr Ng Wah Leng serta semua pengunjung kerana hadir bagi menjayakan kempen ini.

Ayuh, ramai-ramai warga penduduk Kampar menyokong misi kempen ini bagi memastikan kelestarian bumi Negeri Perak kekal terjamin dan terpelihara.

E-waste Dikitar, Bumi Terpelihara



OPERASI PENGUATKUASAAN ANTI-LITTER DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKPR)

21 Oktober 2021 - telah dijalankan di Pekan Kampar dan New Wah Loong. Sebanyak 5 notis serta tawaran kompaun telah dikeluarkan kepada orang awam yang telah melakukan pembuangan sampah haram dalam operasi yang dijalankan.


Semua penduduk Kampar diingatkan supaya sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dan sesiapa yang didapati melakukan perbuatan membuang sampah di lokasi haram akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah - Seksyen 47(1)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 menempatkan, meletakkan atau membuang atau membenarkan ditempatkan, diletakkan atau dibuang apa-apa abuk, debu, bangkai, sampah, kotak, tong, karung atau benda atau barang lain di sesuatu tempat awam.

Kompaun RM250





**AKTIVITI-AKTIVITI
KELAB SUKAN**



MEMANCIING DI KOLAM ATOK 28 /11/2021



**PERTANDINGAN
MEMANCIING
KELAB SUKAN
MIDKOP 2021**

Tarikh Tahun Pemanjoran 25-11-2021

WAKTU PERTANDINGAN :
BERMULA JAM 8.30 PAGI
HINGGA 12.30 TENGAHARI

**KOLAM
ATOK**

Hadiah Wang Tunjai + Hadiah Cabutan, Bestuah untuk diacungi

**28 NOVEMBER
(AHAD)
2021**

PATUHI SOP :
LENGKAP 3 DOS DAFTAR MASUK NY BEKANTIBA
JACA PENCAKARAN PAKAI PELUTUP MUKA

**TIDAK
DIPERBOHKAN
MEMETAWA
AHLI
KELUARGA**

PERTANYAAN & PENDAFTARAN :
IBRAHIM 019 7109208
RADZI 017 5035002

PERTANDINGAN FUTSAL TERTUTUP DAERAH KAMPAR 12/12/2021



MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN KALI KE-46





AKTIVITI-AKTIVITI BADAN KEBAJIKAN (BAKEB)



KOLABORASI BERSAMA MENYERTAI MISI BANTUAN BANJIR DI DAERAH BERA, PAHANG

Badan Kebajikan bersama Kelab Sukan & Koperasi Anggota-Anggota Majlis Daerah Kinta Selatan Bhd telah menguruskan kutipan sumbangan daripada kakitangan untuk menampung pembelian barangan keperluan bagi misi bantuan Banjir di Daerah Bera, Pahang.

Beberapa AJK Badan Kebajikan juga turut menyertai misi ke lokasi pada 30 - 31 Disember 2021.



MISI BANTUAN BANJIR MAJLIS DAERAH KAMPAR 2021

DENGAN KERJASAMA :

- KOPERASI ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS DAERAH KINTA SELATAN BHD
- PUNJAK MAS INFRA SDN BHD
- BADAN KEBAJIKAN MDKPR
- PEKAS
- KELAB SUKAN MDKPR
- Lotus's

SUMBANGAN BERUPA WANG TUNAI ADALAH DIALU-ALUKAN BAGI MENAMPUNG KOS PEMBELIAN BARANGAN KEPERLUAN MANCSA BANJIR.

SUMBANGAN BOLEH DISERAHKAN KEPADA UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT DAN HAL EHWAL KOMUNITI SEBELUM ATAU PADA 28 DISEMBER 2021



SUMBANGAN KUARANTIN COVID-19 DAN SUMBANGAN PRIHATIN KEPADA ANGGOTA






... LOGO INISIATIF KEJIRANAN HIJAU ...

Majlis Daerah Kampar

SIMBOLIK KEPADA WARNA

- BERINGAT
- BERSATU
- PEKA / KETUA
- SUBUR
- BIJAK
- SEMANGAT
- BERSIH



VISUAL LOGO



BOTOL MINERAL



TIN SUSU



(SPROCKET) GEGANCU BASIKAL



LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDKpr

Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencetus SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr.

SIMBOLIK KEPADA POKOK

Sebatang pokok - Menghijau (Tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi bagai sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, beroksigan, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.

Bersifat Kekeluargaan - Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.

KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diserapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.


WARNA-WARNA KORPORAT MDKpr digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKpr serta dimantapkan lagi dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.



3 akar besar berbentuk kaki
Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, ianya pasti lebih mudah bergoncang.

Kaki pelbagai arah
Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

Tapak berwarna UNGU
Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambangkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikiran dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak di bawah membawa makna "Kejayaan bermula dari bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpijak di bumi nyata. (Sentiasa merendah diri)



Majlis Daerah Kampar
Kompleks Pentadbiran MDKpr Jalan Iskandar
31900 Kampar, Perak Darul Ridzuan
Tel : 05-4671020 / Faks : 05-4671040